



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**12 Mei 2009**

Sehingga 12 Mei 2009 jam 8.00 pagi Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan satu negara baru iaitu China (Tanah Besar) terbabit dengan Influenza A(H1N1) dengan jumlah keseluruhan meningkat kepada 31 buah negara. Kumulatif kes adalah sebanyak 4,789 kes influenza A(H1N1) disahkan oleh ujian makmal dengan pertambahan sebanyak 396 kes berbanding dengan laporan pada hari sebelumnya. Pertambahan ini dilaporkan di 9 negara iaitu di USA (364 kes), UK (8 kes) Panama (12 kes), Canada (4 kes), Brazil (2 kes), Columbia (2 kes), El Salvador (2 kes), China (Tanah Besar) (1 kes) dan Germany (1 kes). Satu kematian dilaporkan iaitu di USA menjadikan keseluruhan kematian adalah 53 kes.

Sehingga kini WHO masih lagi mengekalkan tahap amaran Influenza Pandemik di Fasa 5 semenjak 29 April 2009 dan TIDAK menyarankan sebarang tindakan sekatan dari segi perjalanan, perdagangan serta penutupan sempadan yang perlu dilakukan oleh mana-mana negara bagi perlindungan kesihatan antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

sentiasa memantau situasi semasa berkaitan kejadian Influenza A(H1N1) sama ada secara global ataupun di dalam negeri.

Justeru orang awam yang mengalami tanda-tanda jangkitan terutamanya demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan untuk menangguhkan lawatan antarabangsa dan mereka yang mengalami tanda-tanda berkenaan dari lawatan antarabangsa dinasihatkan untuk mendapat rawatan. Disamping itu, tiada risiko mendapat jangkitan influenza A(H1N1) sekiranya daging atau produk babi disediakan dan dimasak secara betul.

Pada 11 Mei 2009 sehingga 12 tengah malam, Bilik CPCR Kementerian telah menerima **tiga (3)** notifikasi kes dimana dua (2) kes yang dimasukkan ke wad isolasi Hospital Sungai Buloh dan satu (1) kes dimasukkan ke wad isolasi Hospital Seremban bagi tujuan siasatan dan pemerhatian. Kesemua kes telah disahkan negatif terhadap influenza A(H1N1). Sehingga masa ini **tiada kes** influenza A(H1N1) dikesan di negara kita.

Laporan aktiviti saringan kesihatan pemantauan influenza A(H1N1) di semua pintu masuk mendapati seramai 6,440 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 6051 (94.0%) orang disaring di pintu masuk udara, 124 (1.9%) di pelabuhan dan 265 (4.1 %) di pintu masuk darat. Tiada kes yang dirujuk ke hospital rujukan untuk penyiasatan. Sehingga 11 Mei 2009 seramai 55,002 penumpang udara telah disaring di semua lapangan terbang antarabangsa.

Sehingga kini 11 'thermal scanner' telah dipasang di enam pintu masuk negara. Scanner ini akan mempercepatkan lagi proses saringan penumpang di pintu masuk negara.

Bilik CPRC Kementerian telah menerima sejumlah 44 panggilan dan 2 email dari orang ramai yang bertanya berkaitan dengan nasihat perjalanan ke luar negara, rawatan dan vaksin serta saringan.

Kementerian akan terus memaklumkan orang ramai berkenaan situasi semasa wabak ini di seluruh dunia khususnya di Negara-negara yang dilanda Influenza A(H1N1). Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media.

KKM ingin menegaskan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang mengenai situasi influenza A(H1N1) di negara ini. KKM dengan kerjasama semua agensi terlibat sentiasa meningkatkan pemantauan situasi influenza A(H1N1) dalam memastikan tindakan proaktif diambil bagi melindungi kesihatan awam penduduk Malaysia.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 12 Mei 2009

**SENARAI NEGARA TERJEJAS INFLUENZA A(H1N1) YANG DILAPORKAN OLEH WHO  
SEHINGGA 11.05.2009, GMT 24:00 BERSAMAAN 12.05.2009, 8.00 PAGI MALAYSIA**

<b>BIL</b>	<b>NEGARA</b>	<b>BIL KES RASMI</b>	<b>KEMATIAN</b>	<b>KADAR KEMATIAN</b>
1	Argentina	1		
2	Australia	1		
3	Austria	1		
4	Belanda	3		
5	Brazil	8		
6	Canada	284	1	0.4%
7	China (mainland)*	1		
8	Columbia	3		
9	Costa Rica	8	1	12.5%
10	Denmark	1		
11	El Salvador	4		
12	Germany	12		
13	Guatemala	1		
14	Hong Kong SAR	1		
15	Ireland	1		
16	Israel	7		
17	Itali	9		
18	Jepun	4		
19	Mexico	1626	48	3.0%
20	New Zealand	7		
21	Norway	2		
22	Panama	15		
23	Perancis	13		
24	Poland	1		
25	Portugal	1		
26	Republic Korea	3		
27	Sepanyol	95		
28	Sweden	2		
29	Switzerland	1		
30	United Kingdom	55		
31	United States of America	2618	2	0.1%
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>4,789</b>	<b>53</b>	<b>1.1%</b>

\*Negara baru yang disahkan ada kes influenza A H1N1